

Headline	Patuhi Akta Pertubuhan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Oct 2017	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	3	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	456 cm ²
Journalist	Radhuan Hussain	AdValue	RM 9,013
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,038



Bagi mengelak organisasi mereka dibatalkan - TPM

Patuhi Akta Pertubuhan

Oleh RADHUAN HUSSAIN
 pengarang@utusan.com.my

■ KUALA TERENGGANU 13 OKT.

DATUK Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi memberi peringatan kepada semua pertubuhan berdaftar agar mematuhi peraturan yang ditetapkan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) berdasarkan Akta Pertubuhan 1996 bagi mengelak pertubuhan mereka dibatalkan.

Pada masa sama, Timbalan Perdana Menteri menggesa supaya persatuan atau pertubuhan sedia ada bergabung di bawah satu bumbung bagi membolehkannya bergerak lebih aktif untuk manfaat bersama.

Beliau menarik perhatian, pada masa ini terdapat 63,846 pertubuhan yang berdaftar di seluruh negara dan daripada jumlah itu, 44 peratus atau 28,190 pertubuhan terpaksa dibatalkan oleh ROS sejak tahun 2013.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Dalam Negeri turut mengakui bahawa jumlah pertubuhan yang terlibat dengan pembatalan oleh ROS merupakan suatu jumlah yang besar dan menyifatkan perkara itu tidak seharusnya terjadi.

"Sejak tahun 2013, kita telah buat perubahan dan penambahbaikan dengan melaksanakan sistem pendigitalan untuk mengemas kini segala maklumat termasuk permohonan pensijilan dan penyata yang dibuat secara dalam talian.

"Malangnya daripada jumlah itu sejak 2013 kita gunakan peraturan baharu (pendigitalan), 44



AHMAD ZAHID HAMIDI menyampaikan sijil pengiktirafan Kod Tadbir Urus Baik Pertubuhan 2017 kepada Pengarah Eksekutif Majlis AIDS Malaysia, Parimelazhagan Ellan selepas merasmikan Karnival Pertubuhan Kebangsaan 2017 di Dataran Batu Burok, Terengganu, semalam. - BERNAMA

peratus atau 28,190 persatuan terpaksa dibatalkan oleh ROS. Bagi saya, jumlah ini cukup besar dan tak sepatutnya berlaku," katanya.

Timbalan Perdana Menteri menyatakan perkara itu ketika berucap merasmikan Karnival Pertubuhan Kebangsaan 2017 bertemakan Negaraku Sejahtera Cakna Pertubuhan di Dataran Pantai Batu Burok di sini hari ini.

Yang hadir sama, Menteri Be-

sar, Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman; Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Jailani Johari; Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Alwi Ibrahim dan Ketua Pengarah ROS, Datuk Mohammad Razin Abdullah.

Karnival sehari itu merupakan kali keempat dianjurkan selepas bermula di Selangor pada 2014 diikuti Kedah serta Melaka tahun lalu.

Ahmad Zahid berkata, berdasarkan penjelasan pihak ROS, pembatalan itu dibuat disebabkan beberapa faktor antaranya gagal menghantar penyata tahunan dan penyata kewangan kepada ROS.

"Selain itu, faktor melanggar peraturan pertubuhan dengan tidak mengadakan mesyuarat agung tahunan serta melanggar Akta Pertubuhan 1996 itu sendiri," ujarnya.